



Penduduk Malaysia naik 2.1 peratus

PETALING JAYA – Jumlah penduduk Malaysia pada 2023 dianggarkan sebanyak 33.4 juta berbanding 32.7 juta pada 2022, iaitu kadar pertumbuhan penduduk tahunan pada 2.1 peratus, menurut laporan Anggaran Penduduk Semasa yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, peningkatan kadar pertumbuhan penduduk didorong oleh migrasi antarabangsa, dengan pertambahan bilangan penduduk bukan warganegara daripada 2.5 juta tahun lalu, kepada tiga juta tahun ini.

"Jumlah penduduk warganegara pula meningkat daripada 30.2 juta pada 2022 kepada 30.4 juta pada 2023, iaitu pertumbuhan kecil sebanyak 0.7 peratus (2022: 0.6 peratus).

"Tiga negeri iaitu Sabah (5.1 peratus), Labuan (2.6 peratus) dan Selangor (2.2 peratus) melepasi kadar pertumbuhan nasional, manakala tiga negeri yang mencatatkan komposisi pen-



JUMLAH warga asing di Malaysia meningkat secara signifikan daripada 2.5 juta orang pada tahun lalu kepada tiga juta tahun ini. – GAMBAR HIASAN

duduk tertinggi pada 2023 ialah Selangor (21.6 peratus), diikuti Johor (12.3 peratus) dan Sabah (10.8 peratus)," katanya dalam

satu kenyataan.

Menurut Jabatan Perangkaan, peningkatan kadar pertumbuhan penduduk turut berlaku di

beberapa negara lain seperti Singapura (3.4 peratus), Australia (1.9 peratus), Jerman (1.3 peratus) dan Amerika Syarikat seba-

nyak 0.5 peratus.

Komposisi penduduk warganegara menurun daripada 92.4 peratus (2022) kepada 91.1 peratus pada 2023 disebabkan peningkatan komposisi penduduk bukan warganegara, selaras dengan pembukaan semula sempadan negara mulai 1 April 2022 dan pelaksanaan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0 mulai Januari 2023.

Bumiputera menyumbang 70.1 peratus daripada 30.4 juta warganegara pada 2023 berbanding 69.9 peratus tahun lalu.

Sementara itu, komposisi penduduk Cina menurun kepada 22.6 peratus (2022: 22.8 peratus), manakala India dan lain-lain masing-masing kekal pada 6.6 peratus dan 0.7 peratus.

Nisbah jantina bagi keseluruhan penduduk Malaysia ialah 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala umur penengah penduduk Malaysia mencecah 30.7 tahun pada 2023, naik sedikit daripada 30.4 tahun pada tahun sebelumnya.